

24-03-2019

TAK PERLU IKAT PERUT LAGI

■ Gerobok rezeki fokus bantu penuntut daripada keluarga B40

Shamsul Munir Safini

shamsulmunir@hmetro.com.my

Permatang Pauh

Program Food Bank Malaysia atau mudah dikenali sebagai gerobok rezeki dijangka memanfaatkan ramai penuntut daripada keluarga B40 dan mengatasi masalah mahasiswa ikat perut dengan pelaksanaan Food Bank Siswa.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, program Food Bank yang memfokuskan penuntut daripada keluarga B40 di institusi pengajian tinggi Aawam (IPTA) itu membolehkan mahasiswa yang terpaksa ikat perut mendapatkan bekalan makanan lengkap bermula daripada sarapan sehingga makan malam.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan program Food Bank Siswa peringkat Pulau Pinang di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang semalam.

"Isu mahasiswa ikat perut mendapat perhatian Kabinet dan topik itu sudah dibawa bagi tujuan perbincangan di peringkat Menteri.

"Saya sendiri sudah berjumpa dengan 20 Timbalan Naib Canselor IPTA dan wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di semua universiti awam dan mendapat input yang diperlukan termasuk maklumat mengenai golongan penuntut yang terpaksa berlapar," katanya.

Menurutnya, mereka bersatu mengadakan segera program Foodbank Malaysia di kampus universiti ma-



MAHASISWA mendapatkan makanan kering di Pusat Foodbank Siswa di UiTM Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh.

sing-masing sebagai usaha mengatasi masalah itu.

Katanya, isu membabitkan mahasiswa lapar ini dipandang serius olehnya dan memberikan sepenuh masa untuk menyelesaikan isu berkenaan.

"Jadi berdasarkan beberapa perbincangan dengan pihak pentadbiran universiti dan pihak industri yang akan menjadi penyumbang, program Food Bank Siswa mula diigerakkan dan hari ini, UiTM Pulau Pinang menjadi lokasi pertama ia dilancarkan.

"Seramai 800 penuntut di UiTM Pulau Pinang dan 200 penuntut di Politeknik Seberang Perai (PSP) akan mendapat faedah daripada program ini," katanya.

Menurutnya, lebih membanggakan ialah kerjasama pihak pengusaha restoran makanan terutama daripada

Persatuan Pengusaha Restoran Islam (PPRIM) yang bersatu menjadi penaja utama program Food Bank Siswa di negeri ini termasuk menaja sebuah van untuk kegunaan sukarelawan bagi tujuan logistik.

Katanya, Food Bank Siswa di negeri ini ditempatkan di UiTM dan semua barang sumbangan atau lebihan makanan yang masih boleh digunakan akan ditempatkan di sebuah bilik di kawasan tumpuan pelajar seperti sebuah 'pantry'.

"Ia akan dikawal selia sukarelawan Food Bank yang terdiri daripada penuntut sendiri dan mereka yang tersenari di dalam golongan memerlukan dapat mengambil makanan di situ setiap hari.

"Sehingga kini, ia mendapat sambutan baik dan penuntut daripada golongan

memerlukan memang menghargai usaha sebegini," katanya.

Menurutnya, IPTA di negeri lain juga sudah memulakan program ini termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM).

Katanya, pihaknya tidak dapat menganggarkanberapa ramai penuntut yang akan mendapat faedah daripada program ini kerana senarai nama mereka yang dikategorikan layak hanya dieluarkan universiti masing-masing.

Bagaimanapun, menurutnya, bagi program Food Malaysia, sehingga Februari lalu sejumlah 45,850 isi rumah mendapat faedah daripada program itu dan berjaya menyelamatkan 1,055 metrik tan lebihan makanan.